



GARIS PANDUAN BLOG UNTUK JPNIN NEGERI DAN DAERAH

**CAWANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**

KANDUNGAN

1.	TUJUAN	3
2.	BLOG JPNIN NEGERI DAN DAERAH	3
3.	KESELAMATAN BLOG	3
	3.1 Kriteria	3
	3.2 Larangan	4
	3.3 Pematuhan Akta, Arahan Pentadbiran dan Garis Panduan	5
4.	KESELAMATAN BLOG	5
	4.1 Kawalan Keselamatan Blog	5
	4.2 Pengurusan Maklumat	6
5.	TADBIR URUS BLOG	6
	5.1 Tanggungjawab Pasukan Pengendali Blog	6
	5.2 Terma Rujukan Pasukan Pengendali Blog	6
6.	PENUTUP	7
7.	MAKLUMAT LANJUT	7
8.	RUJUKAN	7
9.	GLOSARI	8

1. TUJUAN

1.1 Tujuan garis panduan ini adalah untuk :

- a. Memberi panduan kepada JPNIN Negeri dan Daerah yang ingin membangun dan melaksanakan blog; dan
- b. Menentukan jenis kandungan yang sesuai dipaparkan dalam blog berkenaan.

1.2 Garis panduan ini hendaklah dipatuhi oleh kesemua JPNIN Negeri, Daerah/Bahagian, Kawasan Rukun Tetangga dan Tabika Perpaduan seluruh Malaysia (selepas ini disebut sebagai Kumpulan Sasaran).

2. BLOG JPNIN NEGERI DAN DAERAH

Blog JPNIN Negeri dan Daerah meliputi blog-blog yang dibangunkan oleh kumpulan sasaran untuk menyampaikan maklumat mengenai aktiviti masing-masing.

3. KRITERIA BLOG

Kriteria-kriteria yang perlu ada pada blog kumpulan sasaran adalah berdasarkan kepada amalan-amalan terbaik peringkat global yang bersesuaian dengan Sektor Awam Malaysia.

3.1 Kriteria Mandatori

Blog perlu mempunyai kriteria mandatori seperti berikut :

- a) Meletakkan Jata Negara pengendali (jika ada) dengan jelas;
- b) Menyediakan pernyataan pengenalan pengendali blog;
- c) Menyediakan kandungan aktiviti perpaduan/komuniti;

- d) Memaparkan pernyataan penafian (disclaimer) terhadap sebarang kerosakan sekiranya dialami oleh pengguna semasa menggunakan blog rasmi agensi/kumpulan sasaran tersebut (Rujuk Rajah 1);

Penafian

(Nama Pengendali blog) tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan kandungan blog ini. Pendapat yang dikemukakan pada blog ini adalah pandangan individu semata-mata dan bukan pandangan agensi.

Rajah 1: Contoh Penafian

- e) Melantik Pasukan Pengendali Blog yang bertanggungjawab mengendalikan blog;
- f) Memaparkan maklumat perhubungan Pasukan Pengendali Blog seperti alamat e-mel dan nombor telefon;
- g) Memaparkan perkataan "Hak Cipta Terpelihara" pada blog berkenaan; dan
- h) Memaklumkan alamat (URL) blog kepada Cawangan Teknologi Maklumat untuk dipautkan ke dalam laman web rasmi jabatan (www.jpnin.gov.my).

3.2 Larangan

Blog adalah dilarang mengandungi perkara-perkara berikut:

- a) Isu-isu seperti perkauman, politik dan agama yang boleh menyentuh sensitiviti umum;
- b) Kandungan yang menjejaskan imej Kerajaan;
- c) Kandungan yang bercanggah dengan dasar Kerajaan;
- d) Kandungan berunsur fitnah, hasutan dan menyalahi undang-undang; dan
- e) Pautan kepada blog atau laman web berunsur politik, agama, perkauman dan lain-lain yang tidak sewajarnya.

3.3 Pematuhan Akta, Arahan Pentadbiran dan Garis Panduan

Dalam pelaksanaan blog, kumpulan sasaran hendaklah mematuhi akta, arahan pentadbiran dan garis panduan seperti berikut:

- a) Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998;
- b) Kod Kandungan, Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia 2004; dan
- c) Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2006 - Pengurusan Laman Web/Portal Sektor Awam.

4. KESELAMATAN BLOG

Keselamatan blog adalah bertujuan untuk melindungi aspek integriti dan kebolehsediaan.

4.1 Kawalan Keselamatan Blog

Pembangunan blog kumpulan sasaran perlu dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang tinggi dan boleh dipercayai dengan menguatkuasakan dasar dan prosedur keselamatan yang tidak mudah dicerobohi. Langkah-langkah utama keselamatan perlu dilaksanakan meliputi rangkaian, peralatan, perisian, aplikasi, data dan sebagainya. Setiap langkah atau arahan berkaitan perlu diwujudkan semasa penyediaan *Standard Operating Procedure* (SOP).

Beberapa langkah-langkah yang perlu dilaksanakan merangkumi perkara-perkara berikut:

- a) Mengenal pasti ruang-ruang ancaman siber (*threats*) dan kelemahan (*vulnerabilities*) agar tindakan kawalan dilengkapkan dari peringkat awal pelaksanaan; dan
- b) Mengintegrasikan setiap aspek keselamatan secara menyeluruh.

4.2 Pengurusan Maklumat

Pengendali blog hendaklah memastikan blog yang disediakan tidak memaparkan maklumat yang terperingkat atau sebarang maklumat sensitif. Dokumen-dokumen berikut boleh dirujuk sebagai panduan keselamatan blog kumpulan sasaran:

- a) Perenggan 6.5 (Langkah-langkah Keselamatan Laman Web /Portal) dalam Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2006 – Pengurusan Laman Web/Portal Sektor Awam; dan
- b) Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik (EGAA) dan Arahan Teknologi Maklumat, Disember 2007.

5. TADBIR URUS BLOG

5.1 Tanggungjawab Pasukan Pengendali Blog

Pasukan Pengendali Blog bertanggungjawab dalam memastikan pelaksanaan blog dibuat mengikut garis panduan ini.

5.2 Terma Rujukan Pasukan Pengendali Blog

Terma rujukan Pasukan Pengendali Blog adalah seperti berikut:

- a) Merancang dan menyediakan pelan kandungan artikel pada blog secara berkala;
- b) Menghasilkan kandungan blog secara berkala;
- c) Mewujudkan proses pengurusan blog yang berkesan;
- d) Memastikan penyampaian maklumat yang konsisten pada blog;
- e) Menapis kemasukkan maklumat oleh pengguna yang didapati tidak wajar jika perlu; dan
- f) Menyediakan *Standard Operating Procedure* (SOP) untuk memastikan kesahihan maklumat yang dipaparkan pada blog.

6. PENUTUP

Pengarah Perpaduan Negeri adalah bertanggungjawab untuk memastikan setiap kumpulan sasaran mematuhi garis panduan ini dalam melaksana dan mengendalikan blog masing-masing.

7. MAKLUMAT LANJUT

Sebarang pertanyaan mengenai kandungan dokumen ini boleh dihantar kepada :

Cawangan Teknologi Maklumat
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
(Jabatan Perdana Menteri)
Aras 8, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
Tel : 03-88837148/7184/7185
Faks : 03-88837131
Laman Web : www.jpnn.gov.my
Meja Bantuan : helpdeskict@jpnn.gov.my

8. RUJUKAN

- a) Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU rujukan UPTS (S) 159/05/648/1 (33):
“Garis Panduan Pelaksanaan Blog Bagi Agensi Sektor Awam”, 17 Julai 2009.
- b) Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2006: “Pengurusan Laman Web/Portal Sektor Awam” MAMPU, 2006.
- c) Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU rujukan MAMPU.eKL 700.2/10(2) :
“Panduan Penyediaan dan Penyiaran Berita Online di Laman Web/Portal Agensi-Agensi Kerajaan” MAMPU, 2009.
- d) Arahan Teknologi Maklumat 2007 – MAMPU, 2007.
- e) Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik (EGAA)

9. GLOSARI

BLOG

Blog (singkatan bagi *web log* dalam bahasa Inggeris) ialah suatu media atas talian (online) yang kandungannya dipapar mengikut turutan kronologi dalam tertib terbalik di mana maklumat terkini berada di atas. Kandungan blog melibatkan teks, imej, *audio/video*, dan pautan kepada blog-blog serta laman web lain yang berkaitan.

KUMPULAN SASARAN

JPNIN Negeri, JPNIN Daerah/Bahagian, Kawasan Rukun Tetangga dan Tabika
Perpaduan seluruh Malaysia